6.2 Metodologi

Penjelasan secara naratif dan grafik tentang metodologi/kaedah petender untuk melaksanakan projek ini. petender perlu menjelaskan tentang metodologi projek, tempoh masa, program pelaksanaan projek secara tentatif, cara mengatasi dan menantangani masalah.

6.3 Pengoperasian dan Penyelenggaraan

Dalam tempoh pengoperasian, MBSJ berhak menilai tahap pengoperasian dan penyelenggaraan daripada petender. Dalam Cadangan teknikal (*technical proposal*), petender dikehendaki mengemukakan struktur organisasi pengurusan dan kakitangan utama dan pendekatan tentang pengoperasian serta penyelenggaraan terhadap projek RFP ini.

7.0 PENDAFTARAN

Petender perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Selangor melalui laman sesawang http://tender.selangor.my/ untuk menyertai tender. Dokumen tender hanya boleh didapati secara dalam talian melalui laman sesawang tersebut dan perlu dibeli serta dimuat turun (*download*) melalui akaun masing-masing.

8.0 TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tempoh sah laku tender ini adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh tender ini ditutup. Walau bagaimanapun, Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku tender ini apabila diperlukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

9.0 PENGHANTARAN DOKUMEN

Petender **WAJIB** menyerahkan:

(i) **satu (1) set dokumen asal yang dimasukkan dalam sampul berlainan seperti di Senarai Semak Tender,** kedua-dua sampul berlainan tersebut dimasukkan dalam satu (1) sampul surat berikat kemas. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul ditulis dengan nombor tender kerja MBSJ.KUB. Dokumen perlu disusun mengikut senarai semak Tender dan dibahagikan satu perkara dengan satu perkara dengan kertas berwarna (*separator*).

(ii) **satu (1) set cakera padat mengandungi *softcopy* dokumen teknikal yang telah diisi dengan lengkap**.

(iii) **Petender dibenarkan/dikehendaki menyertakan dokumen cadangan *Request For Proposal* (RFP) berdasar skop yang dinyatakan oleh MBSJ atau tambahan skop yang bersesuaian.**

Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Tender **DITOLAK**